

Kertas Bil. 35/2021



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR
BERHUBUNG PEWARTAAN SUMBER DAN
INFRASTRUKTUR AIR SEBAGAI TEMPAT
LARANGAN / KAWASAN LARANGAN / SASARAN
PENTING DI NEGERI SELANGOR BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS
TAHUN 2021**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Keterangan	2
4	Penemuan Jawatankuasa	3
5	Saranan Jawatankuasa	4
6	Perakuan	5
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	6
	Urus setia	6
	Lampiran I (Senarai Saksi)	7

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR
SELANGOR BERHUBUNG PEWARTAAN SUMBER DAN INFRASTRUKTUR AIR
SEBAGAI TEMPAT LARANGAN / KAWASAN LARANGAN / SASARAN PENTING DI
NEGERI SELANGOR BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua (Bajet), Penggal Keempat, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2021 pada 26 November 2021 hingga 9 Disember 2021.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada 29hb Disember 2020, Jawatankuasa telah memutuskan untuk mengadakan pendengaran bersama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Selangor (**Lampiran 1**) bagi mendapatkan maklumat lanjutan berhubung cadangan untuk mewartakan sumber air dan infrastruktur air di Negeri Selangor sebagai Kawasan Larangan / Tempat Larangan / Sasaran Penting.
- 2.2 Keperluan pendengaran ini timbul susulan daripada insiden-insiden pencemaran sungai yang menyebabkan hentitugas Loji Rawatan Air, yang membawa kepada cadangan untuk menjadikan sumber air dan infrastruktur berkaitan sebagai kategori keselamatan negara.
- 2.3 Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 15 September 2021 dan ia dihadiri oleh Encik Muhammad Helmi bin Abu Hassan (Timbalan Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Negara, Negeri Selangor) dan Encik Nik Mohd Hafizuddin (Penolong Pegawai Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Negara, Negeri Selangor.)
- 2.3. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:
 - 2.3.1. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya)
 - 2.3.2. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran)

- 2.3.3. Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru)
- 2.3.4. Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang)
- 2.3.5. Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa)
- 2.3.6. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik)
- 2.3.7. Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali)

3. KETERANGAN

- 3.1. Semasa pendengaran Jawatankuasa pada 29hb Disember 2020 berkenaan isu penyambungan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Plant 1, 2, 3 dan Rantau Panjang (LRA SSP 1,2,3 & Rantau Panjang) dan Off River Storage (ORS) ke Loji Rawatan Air Sungai semenyih (LRA Sg. Semenyih), Jawatankuasa telah dimaklumkan kawasan kolam HORAS 600 telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan di mana aktiviti di kawasan sekitarnya dikawal dan perlu memohon keizinan pihak berkuasa sekiranya ingin memasuki ke kawasan tersebut.
- 3.2. Jawatankuasa juga dimaklumkan permohonan untuk diwartakan sebagai kawasan keselamatan seperti kawasan LRA perlu ditentukan oleh Majlis Keselamatan.
- 3.3. Jawatankuasa telah menerima maklumat terperinci mengenai kategori pewartaan kawasan (perlindungan dan keselamatan) dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Selangor pada 11 Januari 2021 dan mendapat terdapat 20 instalasi sektor air yang telah diwartakan sebagai Sasaran Penting (SP), dan/atau Kawasan Larangan (KL) dan/atau Tempat Larangan (TL) dan pada 28 September 2021, Jawatankuasa juga telah menerima status pewartaan dua (2) sektor instalasi sektor air di Negeri Selangor yang masih dalam pertimbangan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Selangor (JSPN) dan Kelulusan di Peringkat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) serta terdapat tiga (3) lagi instalasi sektor air yang masih belum disenaraikan sebagai Sasaran Penting. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa bukan semua aset air di Negeri Selangor diwartakan sebagai SP/KL/TL.

- 3.4. Berikut adalah definisi Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan:-

3.4.1. Sasaran Penting

"termasuk apa-apa jua pepasangan yang hasil keluaran atau perkhidmatannya adalah sangat penting dan sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan atau keselamatan negara atau menjelaskan fungsi kerajaan dan imej negara."

3.4.2. Kawasan Larangan

"Suatu kawasan yang diisyiharkan di bawah seksyen 4, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan tujuan untuk mengadakan peraturan khas supaya diwujudkan suatu sistem kawalan terhadap pergerakan dan juga kelakuan orang yang berada di dalam kawasan tersebut."

3.4.3 Tempat Larangan

"Suatu tempat yang diisyiharkan di bawah seksyen 5, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya sistem pengawalan dan pengawasan khas diadakan sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan orang-orang yang tidak dibenarkan dari memasuki tempat tersebut."

- 3.5. Sesuatu tempat yang diwartakan sebagai Sasaran Penting akan tertakluk kepada pemantauan dan pelaporan yang kerap dan rapi, di samping respons dan tindakan yang cepat dan menepati garis masa yang ketat.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1. Menurut taklimat yang telah disampaikan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Selangor pada 15 September 2021, sungai tidak boleh diwartakan sebagai sebuah Sasaran Penting (SP) kerana ianya bukan merupakan *key point* atau instalasi.

- 4.2 Jawatankuasa turut mengambil maklum bahawa walaupun kawasan-kawasan yang sering menjadi tumpuan kepada pencemaran air dapat dikenalpasti, pewartaan sungai sebagai Sasaran Penting masih mustahil berikutan sungai tidak menepati langkah-langkah keselamatan fizikal yang perlu dipatuhi di bawah Arahan Tetap Sasaran Penting seperti berikut:
- 4.2.1. memerlukan halangan buatan manusia (pagar, parit) ataupun semulajadi (sungai, bukit);
 - 4.2.2. perlu dikelilingi lampu; perlu dipasang lampu cari, lampu sorot;
 - 4.2.3. kawasan halangan perlu dibersihkan jarak tertentu dari jarak halangan;
 - 4.2.4. perlu dipasang papan tanda sekeliling kawasan Sasaran Penting;
 - 4.2.5. pondok pengawal perlu dibina hampir dengan pintu utama;
 - 4.2.6. perlu wujudnya sistem pas dan sistem penggera;
- dan lain-lain.
- 4.3 Setelah membuat penelitian, Jawatankuasa mendapati langkah-langkah keselamatan fizikal Arahan Tetap Sasaran Penting perlu dipinda supaya kawasan alam semulajadi dan kawasan lapang juga boleh diwartakan sebagai Sasaran Penting, jika perlu. Pindaan juga wajar mengambil kira penggunaan teknologi terkini untuk mencapai objektif tersebut.
- 4.4 Jawatankuasa juga mendapati Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 mempunyai beberapa aspek perundungan yang sudah tidak relevan dengan keadaan semasa dan perlunya ada penelitian serta pindaan yang lebih munasabah kepada Akta tersebut. Aspek yang paling kritikal adalah jumlah denda dan tempoh penjara yang dikenakan iaitu Satu Ribu Ringgit sahaja (RM1,000) adalah sangat kurang dan tidak bersifat *deterrent*.

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Kerajaan Pusat untuk meneliti dan meminda Arahan Tetap Sasaran Penting bagi membolehkan sumber air (seperti sungai, laut, kolam) dan infrastruktur berkaitan dijadikan kawasan keselamatan yang berstatus Sasaran Penting bagi mengawal aktiviti yang akan menyebabkan pencemaran sungai.
- 5.2. Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat memastikan proses permohonan pewartaan kawasan sektor air di Negeri Selangor yang akan dibina dibuat dengan lebih awal agar statusnya sebagai kawasan


SP/KL/TL diluluskan di peringkat awal pengoperasian memandangkan permohonan pewartaan mengambil tempoh masa yang agak lama. Jawatankuasa juga memerhati bahawa bukan semua aset air penting kini diwartakan sebagai SP/KL/TL.

- 5.3 Jawatankuasa juga menyarankan agar Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Kerajaan Pusat agar meneliti semula dan membuat pindaan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959. Jumlah denda bagi kesalahan pencerobohan perlu dilihat semula ke satu jumlah yang lebih munasabah.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-SAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2021 pada 28 September 2021.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air Selangor
(JPK-SAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS):

1)	Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (ADN Kawasan Subang Jaya)	Pengerusi
2)	Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (ADN Kawasan Pandamaran)	Ahli
3)	Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (ADN Kawasan Meru)	Ahli
4)	Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi (ADN Kawasan Sijangkang)	Ahli
5)	Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (ADN Kawasan Sentosa)	Ahli
6)	Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (ADN Kawasan Kota Anggerik)	Ahli
7)	Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar (ADN Kawasan Batang Kali)	Ahli

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhamjirih bin Ahmad Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Nurul Liana Binti Musa Setiausaha Pejabat
- iv) Cik Siti Khadijah Binti Maarof Pegawai Penyelidik
- v) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail Pegawai Penyelidik

LAMPIRAN 1

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

Wakil daripada Pengurusan Air Selangor

Encik Basar bin Ishak
Ketua Jabatan Pengeluaran

Encik Maimal Faiz bin Abdul Malik
Ketua Seksyen Strategy & Performance

Wakil daripada Lembaga Urus Air Selangor

Puan Haslina binti Ameri
Ketua Penolong Pengarah

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

YBrs. Tuan Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid,
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Wakil daripada Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Puan Mazidah binti Hmad Ramli
Ketua Penolong Pengarah

Encik Muhammad Hilmi bin Ismail
Penolong Pengarah

Wakil daripada Jabatan Audit Negeri Selangor

Tuan Abdul Ghani bin Sulaiman
Ketua Jabatan Audit Negeri Selangor

Wakil daripada Majlis Perbandaran Sepang

Encik Mohd Shazril Asraf bin Abdul Halim
Penolong Jurutera

Wakil daripada Majlis Daerah Kuala Selangor

Puan Saidah binti Mahmud
Penolong Pegawai Perancang Bandar

Puan Umi Zuhirah binti Ramlyan
Penolong Pegawai Perancang Bandar

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Encik Muhammad Helmi bin Abu Hassan
Timbalan Pengarah

Encik Nik Mohd Hafizuddin
Penolong Pegawai